

*Tarikh dibaca: 27 Julai 2018M / 14 Zulkaedah 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“MEMPERTAHANKAN NEGARA  
TUNTUTAN AGAMA”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## "MEMPERTAHANKAN NEGARA TUNTUTAN AGAMA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعَظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ<sup>١</sup>

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>٢</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan hidup dan mendapat perlindungan Allah di dunia dan di akhirat.

Mimbar hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk "**MEMPERTAHANKAN NEGARA TUNTUTAN AGAMA**".

<sup>1</sup> Al-Taubah : 20.



## Muslimin yang mulia,

Sesungguhnya keamanan dan keharmonian sesebuah Negara tidak datang secara percuma, tetapi adalah hasil daripada titik peluh dan titisan darah para pejuang silam yang dikenali sebagai pahlawan.

Hari Pahlawan yang disambut setiap tahun cukup memberi pengertian kepada kita sebagai individu yang cintakan keamanan. Pahlawan Negara yang terdiri daripada warga Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi keselamatan Negara adalah yang amat dihargai dan dikenang jasa mereka. Tidak ketinggalan juga tokoh-tokoh pejuang bangsa yang meniupkan semangat keperwiraan menentang penjajah di tanah air kita seperti Dato' Bahaman, Tok Janggut, Mat Kilau, Leftenan Adnan dan lain-lain yang sukar dilupakan.

Pengorbanan seseorang pahlawan amat disanjung tinggi lebih-lebih lagi hayat mereka berakhir dengan mati syahid. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 154:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ

لَا تَشْعُرُونَ

*"Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyadarinya."*

Ayat ini menjelaskan bahawa umat Islam yang berjihad pada jalan Allah SWT lalu terbunuh, maka tidak dianggap mati, malahan mereka tetap hidup



dengan penuh kehormatan disisi Allah SWT. Mereka diberi suatu bentuk kehidupan yang lebih istimewa berbanding dengan orang lain.

### Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Dalam memelihara keamanan Negara, kita dikehendaki sentiasa bersiap sedia menghadapi musuh sesuai dengan kemampuan yang dimiliki sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ  
تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

*“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya.”*

Menurut tafsir al-Maraghiy, Allah SWT memerintahkan kepada orang-orang yang beriman untuk membuat persiapan perang bagi menghindarkan serangan musuh. Persiapan itu dapat dilakukan dalam dua situasi:

Pertama: Menyediakan segala jenis kekuatan yang diperlukan sesuai dengan zaman dan tempat seperti membuat senjata, pesawat perang, bom, kereta kebal, kapal selam dan sebagainya. Demikian juga mempelajari berbagai bidang kepakaran dan membina alat kelengkapan yang diperlukan.

Kedua: Menempatkan pasukan pertahanan di pelabuhan dan di perbatasan kerana ia merupakan pintu masuk musuh yang paling strategik terhadap Negara. Hikmahnya supaya umat manusia mempunyai pasukan



tentera yang sentiasa melindungi mereka apabila datangnya serangan dari pihak musuh secara tiba-tiba.

Ini bermakna Islam memandang penting tentang keselamatan Negara dengan memastikan sempadan Negara sentiasa terkawal dengan menggunakan senjata-senjata moden atau yang lebih sesuai dengan peredaran zaman.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Sejarah menunjukkan bahawa kegigihan tentera Islam sejak zaman kegemilangannya hingga semasa Kerajaan Uthmaniah di Turki amat mengagumkan. Kehebatan Sultan Muhammad al-Fateh dan tenteranya wajar dicontohi. Hadis daripada Abdullah bin Basyir Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَتُفْتَحَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ، وَلَنِعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا،  
وَلَنِعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

*"Akan dibuka Kota Konstantinople. Sebaik-baik raja, adalah rajanya. Sebaik-baik tentera, adalah tentera itu"*

Sifat-sifat mereka sebagai pahlawan yang kuat imannya, tawaduk, bijaksana dan berani membolehkan mereka memimpin tentera Islam hingga mampu menawan kota Konstantinople daripada Kerajaan Rom. Kemenangannya itu membuka laluan penyebaran Islam ke Eropah. Antara kata-kata beliau kepada tenteranya pada hari ke-53 kepungan dilakukan, "Wahai tenteraku! Aku bersedia untuk mati di jalan Allah, sesiapa yang mahu syahid ikutlah aku".



Antara faktor yang menyumbang kepada kemenangan tentera Islam dalam peperangan tersebut adalah berkait rapat dengan keimanan kepada Allah, sifat jati diri, kesetiaan kepada ketua dan pengorbanan kepada agama, masyarakat dan tanah air secara menyeluruh.

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya *al-Iman Wal-Hayah* bahawa tonggak kekuatan orang beriman antaranya bergantung kepada Allah Taala dan yakin bahawa Allah bersama dengannya dimana-mana sahaja. Dia berperang bukan kerana dorongan nafsu, bukan kerana kepentingan peribadi, bukan juga kerana hendak menganiaya dan melanggar hak orang lain. Begitu juga mereka tidak gentar kepada musuh, sebaliknya bertambah kuat ketika melihat ramainya musuh yang bakal dihadapi, sebagaimana berlaku dalam peperangan Ahzab pada tahun kelima hijrah. Demikianlah kehebatan generasi pahlawan terdahulu yang mengutamakan keteguhan iman dan akidah dalam mempertahankan Negara.

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa saranan berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mempertahankan kedaulatan Negara adalah tuntutan agama yang bakal meraih ganjaran pahala yang besar di akhirat kelak.
2. Pahlawan Negara hendaklah mempersiapkan diri dengan iman yang mantap, cintakan Negara berdasarkan prinsip-prinsip sebagai pejuang di jalan Allah.



3. Umat Islam hendaklah sentiasa bersatu padu memperkuuhkan persaudaraan yang sejati untuk meninggikan syiar Islam dan mempertahankan agama, bangsa dan Negara.

4. Umat Islam hendaklah mendoakan pahlawan Negara yang telah menghadap ilahi agar roh mereka mendapat rahmat dan keampunan. Bagi yang masih gagah mengibarkan panji-panji perjuangan kita doakan mereka sentiasa istiqamah mempertahankan setiap inci tanah air kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَاءَتْكُمْ جُنُودٌ  
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِحْمًا وَجُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ

بَصِيرًا

"Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (Al-Ahzaab), lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut (yang kencang) serta angkatan tentera (dari malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan."

(al-Ahzab: 9).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

\*\*\*\*\*

Majid/Nurul  
11.07.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا الَّذِينَ إِنَّمَا أَمْنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ  
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ  
تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سلاُغُور، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ  
ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْمُهَدَّا يَةَ وَالْتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدٍ سَلَّاْغُورُ، تَعْكُو  
أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ  
لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبُغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

٩.

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*